

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : ISNIN, 17 OKTOBER 2016

RUJUKAN : L1 [PR-1343-L75518]

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan rasional Kementerian menswastakan parkir di Kuala Lumpur kepada satu syarikat swasta. Sila nyatakan kriteria pemilihan syarikat tersebut, jumlah lot parkir di Kuala Lumpur dan anggaran jumlah kutipan parkir yang dijangka diperolehi melalui sistem parkir yang baru.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, kemudahan tempat letak kereta di kawasan Kuala Lumpur yang diletakkan di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melibatkan tempat letak kereta awam dan tidak termasuk tempat letak kereta persendirian. Ini termasuklah tempat letak kereta bermeter di bahu jalan yang melibatkan jalan-jalan awam sahaja berjumlah lebih kurang 46,000 petak di seluruh Kuala Lumpur.

Penswastaan pengurusan tempat letak kereta ini bukanlah perkara yang baharu di mana dari tahun 1984 sehingga tahun 2015, penswastaan pengurusan tempat letak kereta ini telah dipecahkan kepada beberapa zon dan diserahkan kepada beberapa syarikat swasta. Pelantikan syarikat swasta ini merupakan konsep *outsourcing* yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan tempat letak kereta di kawasan Kuala Lumpur.

Melaluinya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dapat memperkemaskan, mengurangkan tunggakan serta mempercepatkan kutipan hasil. Pelantikan dan kaedah *outsourcing* kepada pihak ketiga bukan hanya dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur semata-mata, bahkan telah menjadi kelaziman hampir keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia.

Dalam konteks pengurusan tempat letak kereta di Kuala Lumpur, syarikat swasta adalah satu-satunya pihak yang mengeluarkan modal dalam melaksanakan projek ini. Syarikat swasta adalah pihak yang menanggung

segala risiko sepenuhnya. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mendapat pulangan hasil yang terjamin, bersih dan tetap pada setiap bulan tanpa mengeluarkan sebarang perbelanjaan.

Antara penambahbaikan sistem pengurusan tempat letak kereta yang telah dilaksanakan hasil pendekatan *outsourcing* adalah seperti berikut:

1. Menggunapakai sistem tempat letak kereta dari Sweden (*CALE Access*). Antara kelebihan sistem tersebut ialah pemantauan pembayaran parkir oleh pengguna dan pemantauan meter parkir yang dipasang di tapak;
2. Kaedah pembayaran yang lebih mesra pengguna seperti syilling, kad *Touch and Go*, pembayaran melalui aplikasi telefon mudah alih (*Jom Parking Apps*), Pas Bermusim yang boleh dilayari secara atas talian dan Petak Khas yang boleh dimohon secara atas talian; dan
3. Penggunaan perisian terkini jenama G-Techna bagi pelaksanaan tindakan penguatkuasaan yang dilengkapi dengan kereta penguatkuasa berkamera yang boleh mengesan kesalahan-kesalahan pengguna berdasarkan nombor pendaftaran kereta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, purata kutipan hasil parkir sebelum perlaksanaan sistem baru adalah RM1.5 juta sebulan. Selepas perlaksanaan sistem baru ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menganggarkan purata kutipan parkir adalah sebanyak 2.6 juta sebulan.